

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 26, 2019 10:18 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Cemerlang Di PECTA 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 SEPTEMBER 2019 / 26 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Azri Md Nadzir
Gambar oleh: Pusat Inovasi dan Pengkomersilan

UUM CEMERLANG DI PECTA 2019

UUM ACHIEVEMENT IN PECTA'19
22-23 September 2019
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

12 Exposition Participation **1** Special Award **9** Gold Awards **1** Silver Award **1** Bronze Award

- Baju Kedah Warisan Tanah Melayu**
PM Dr. Adzrool Idzwan Ismail, Dr. Ahmad Hisham Zainal & PM Dr. Syamsul Bahrin Zaibon
- Road Safety Educational Game**
Dr. Rohafiz Sabar & Dr. Nur Khairiel Anuar
- Malaysian Harmony Index**
Prof. Dr. Razamin Ramli, Siti Farhana Hasnan, PM Dr. Maznah Mat Kasim & Dr. Mohd Noor Abdul Hamid
- Cerdik BM**
Dr. Nurulwahida Hj Aziz @ Aziz & PM Dato' Dr. Hj Nuraini Yusoff
- REYOWAY**
Prof. Dr. Zulikha Jamaludin & PM Dr. Husniza Husni
- Saikolab Profiler - Recognizing Individual's Real Potential**
PM Dr. Shahrul Azmi Mohd Yusof & PM Dr. Nor Idayu Mahat
- Organic Personal Care Products From Sintok (Entada Spiralis) Bark Extract**
Dr. Risyawati Mohamed Ismail, Dr. Siti Norhasmaedayu Ahmad Zamani & PM Dr. Nurhaizal Azam Arif
- Makan @ Local Chatok (M@LC)**
Dr. Siti Mahfuzah Sarif, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, PM Dr. Syamsul Bahrin Zaibon, Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed & Dr. Zurina Hanafi
- Model of Islamic Successful Entrepreneurs (ISE) in Social Entrepreneurship (SE)**
Dr. Mohd Adib Abd Muin, Dr. M. Sollehudin Shuib & Dr. Azizah Che Omar
- Model LESTARI: SINTOKYO**
Dr. Armanurah Mohamad, Siti Norlana Noordin, Nurul Husna Md Zahir & Yamin Rongka
- Slide & Read**
Prof. Dr. Zulikha Jamaludin & PM Dr. Husniza Husni

Top 10 Finalist Pitching for Investment:
-Prof. Zulikha Jamaludin -PM Dr. Shahrul Azmi

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih sembilan (9) anugerah Emas, satu (1) Perak dan satu (1) Gangsa daripada 12 produk penyelidikan yang dipertandingkan pada Persidangan dan Expo Antarabangsa Ciptaan Institut Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2019 yang berlangsung pada 22-23 September 2019 di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Johor.

PECIPTA 2019 menjadi platform kepada penyelidik untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing di samping menggalakkan jaringan dan kerjasama strategik antara IPT dengan pihak industri.

Lebih 500 produk penyelidikan dan inovasi dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S), industri, agensi kerajaan dan swasta dipamerkan dan dipertandingkan pada PECIPTA 2019 yang berlangsung selama dua hari.

Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) UUM, Prof. Dr. Razamin Ramli berkata, penyertaan UUM di PECIPTA19 pada kali ini membuktikan universiti sentiasa memberi sokongan penuh kepada para ahli akademik universiti ke arah penyelidikan yang berinovatif dan seterusnya menuju kepada aktiviti pengkomersilan.

PECIPTA 2019 kali ini juga telah menobatkan produk rekacipta UUM iaitu Makan@Local Chatok oleh Dr. Siti Mahfuzah Sarif, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, Prof Madya Dr. Syamsul Bahrin Zaibon, Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed dan Dr. Zurina Hanafi sebagai penerima Anugerah Khas PECIPTA`19.

Dr. Syamsul mewakili yang perekacipta berkata beliau tidak menyangka produk yang dihasil berjaya merangkul anugerah berkenaan.

“Kejayaan membuktikan bahawa produk yang direkacipta oleh para penyelidik di UUM mampu bersaing dan berdiri sama tinggi dengan produk-produk daripada universiti penyelidikan seperti UM, USM, UTM dan sebagainya,” ujar beliau.

Sembilan (9) Anugerah Emas di Pecipta 2019 telah berjaya diperoleh melalui produk bertajuk Baju Kedah Warisan Tanah Melayu yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail daripada SCIMPA, produk *Road Safety Educational Game* oleh Dr. Rohafiz Sabar daripada STML, produk *Malaysian Harmony Index* oleh Prof. Dr. Razamin Ramli daripada SQS, produk Cerdik BM oleh Dr. Nurulwahida Hj Azid @ Aziz daripada SEML, REYOWAY oleh Prof. Dr. Zulikha Jamaludin daripada SOC, *Saikolab Profiler - Recognizing Individual's Real Potential* oleh PM Dr. Shahrul Azmi Mohd Yusof daripada SOC, produk *Organic Personal Care Products From Sintok (Entada Spiralis) Bark Extract* oleh Dr. Risyawati Mohamed Ismail daripada STML, produk Makan @ Local Chatok (M@LC) oleh Dr. Siti Mahfuzah Sarif daripada SMMTC dan produk *Model of Islamic Successful Entrepreneurs (ISE) in Social Entrepreneurship (SE)* oleh Dr. Mohd Adib Abd Muin daripada IBS.

Manakala produk daripada SBM bertajuk Model LESTARI: SINTOKYO oleh Dr. Armanurah Mohamad telah berjaya meraih Anugerah Perak dan produk bertajuk *Slide & Read* oleh Prof. Dr. Zulikha Jamaludin daripada SOC telah merangkul Anugerah Gangsa di PECIPTA 2019.

Secara keseluruhan, UUM telah mencipta sejarah tersendiri apabila lebih 90% produk yang dipertandingkan telah berjaya menerima pengiktirafan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.